

24/05/1999

Pengganti Khalil perlu tangani beberapa isu belum selesai

Shariffudin Mohamed

PERTUKARAN Menteri Besar Pahang yang dipegang Tan Sri Mohd Khalil Yaakob memang tidak diduga. Jika ada ramalan pun, perubahan hanya dijangka berlaku selepas pilihan raya umum nanti. Lebih tidak diduga pengganti Mohd Khalil ialah Datuk Adnan Yaakob, bekas guru yang pernah mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Agama Pelangai dan Sekolah Menengah Sulaiman Bentong.

Ini kerana Adnan bukanlah Exco Kerajaan Negeri yang suka menonjolkan diri dalam politik, sebaliknya sering mengambil sikap rendah diri tetapi mempunyai pendirian yang tegas. Di kalangan wartawan, beliau dianggap tidak suka membuat kenyataan akhbar sesuka hati. Kenyataannya pula mesti dibuat secara teliti dan berhati-hati selepas mendapat pandangan beberapa pihak bagi mengelakkan ia dipertikai atau menjadi kontroversi.

Wartawan memang sukar mendapat kenyataan daripada Adnan kerana beliau tidak gemar menyuarakan pandangannya secara umum dalam apa juga isu. Beliau lebih suka wartawan mengambil kenyataan Khalil. Kebanyakan pendiriannya hanya diluahkan kepada wartawan dan rakannya tetapi bukan untuk siaran. Adnan turut enggan mengulas apabila tersebar berita di Kuantan dan Kuala Lumpur yang mengatakan beliau akan menjadi Menteri Besar yang baru menggantikan Khalil.

Ulasannya yang ringkas cuma dapat dirakam dalam sidang media Khalil sempena pertukarannya ke Pusat sebagai Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno, Khamis lalu.

Beliau sekadar mengucapkan penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantiknya sebagai Menteri Besar. Melihat keseriusan raut wajahnya dalam sidang media itu, Adnan tahu tanggungjawab yang akan dipikulnya sangat berat, sekurang-kurangnya untuk menyamai rekod cemerlang Khalil.

Memang pertukaran Menteri Besar tidak menghadapi masalah tetapi usaha mentadbir sebuah kerajaan negeri bukannya mudah, apatah lagi Pahang negeri terbesar di Semenanjung.

Kepemimpinan Khalil ternyata terserlah bukan saja dari segi politik, malah dianggap orang yang bertanggungjawab membawa pembangunan pesat di Pahang.

Gayanya untuk menarik pelabur asing memang membuahkan hasil, malah pernah menerima pujian Perdana Menteri.

Pelabur asing tidak menghadapi masalah berunding dengan kerajaan negeri, malah ada seorang pelabur dari Amerika Syarikat secara sukarela membantu Khalil menarik sebuah syarikat menanam modal di kawasan perindustrian Gebeng.

Sepanjang 13 tahun menerajui kerajaan negeri, Khalil berjaya meletakkan Barisan Nasional (BN) negeri di landasan yang kukuh sehingga dalam setiap pilihan raya, BN hampir menyapu bersih semua kerusi Dewan Undangan Negeri.

Sebab itulah beliau terus diamanahkan memegang Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Barisan Nasional (BN) negeri pada tempoh tertentu walaupun sudah ditukarkan ke Pusat.

Pertukaran serta-merta ke Pusat memerlukan Adnan menangani beberapa isu yang belum selesai, antaranya menyegerakan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), cadangan pembekalan air dari Bentong ke Selangor dan pencerobohan tanah kerajaan di Bentong.

Pembinaan LPT memang ditunggu-tunggu kerana ia boleh membawa pelbagai kesan positif di Pahang seperti limpahan hasil pembinaan Lebuhraya Utara

Selatan di Pantai Barat.

Bagaimanapun, tugas paling penting bagi Adnan ialah merangka strategi bersama Khalil menghadapi pilihan raya umum akan datang. Beliau sudah tentu mahu menjamin rekod cemerlang BN di Pahang berterusan di bawah pentadbirannya.

Seperkara lagi ialah penyenaraian barisan exconya supaya tidak menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pihak tertentu, terutama dalam Umno.

Antara exco di bawah Khalil ialah Datuk Hasan Arifin, Datuk Omar Othman, Datuk Tan Aminuddin Ishak, Datuk Bahari Yahya, Datuk Wan Razali Wan Mahussin, Datuk Shahiruddin Ab Moin, Datuk Kan Tong Leong dan Datuk Law Kee Long.

Exco Kerajaan Negeri sekarang memang mantap tetapi Adnan sudah pasti mahu membuat sedikit perubahan bagi mencerminkan kerajaan negeri pimpinannya.

Apa yang pasti, Adnan akan tetap mendapat sokongan daripada barisan exconya selagi beliau mengamalkan semangat memikul tanggungjawab secara bersama seperti dalam pentadbiran Khalil.

Parti komponen BN negeri turut dijangka tidak menghadapi masalah untuk memberi kerjasama dengan Adnan.

(END)